



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

'Rakyat bayar cukai, kamu seleweng minyak diesel'

KOTA BHARU: "Ini bukan kes tiada lesen motor. Negara rugi berbilion ringgit kerana orang seperti kamu. Rakyat bayar cukai, kamu seleweng."

Demikian kata Hakim Zulkifli Abdullah sebelum menjatuhkan hukuman denda RM10,000 masing-masing ke atas seorang pemandu lori dan seorang penganggur selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyimpan lebih 1,600 liter diesel tanpa kebenaran, dua tahun lalu.

Zulkifli berkata, kesalahan berkenaan amat serius kerana menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Kedua-dua tertuduh, Mohamad Aiman Mohd. Din, 31, yang bekerja sebagai pemandu lori dan Mohd. Amiruddin Ramly, 34, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Zulkifli.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Aiman didakwa memiliki sebanyak 832.5 liter diesel tanpa lesen sah sekali gus melanggar Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dengan perbuatan itu dilakukan di depan pejabat sebuah hospital di Kubang Kerian di sini kira pukul 12.45 tengah



MOHAMAD AIMAN MOHD. DIN (dua dari kiri) dan MOHD. AMIRUDDIN RAMLY (tiga dari kiri) didakwa atas pertuduhan menyimpan 1,600 liter diesel di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan semalam -
UTUSAN/ROSALWANI CHE SOH

hari pada 6 September 2023.

Mohd. Amiruddin dituduh memiliki 780.5 liter diesel tanpa kebenaran di tepi Jalan Semerak, Kampung Dalam Rhu dekat Pasir Puteh pada 26 Julai 2023.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga ta-

hun atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Muhammadi Iman Masjuri manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Kedua-dua tertuduh membayar denda yang ditetapkan mahkamah.

'Rakyat bayar cukai, kamu seleweng'

Dua lelaki seludup
diesel didenda RM10,000

ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Dua lelaki masing-masing didenda RM10,000 selepas didapati membawa diesel bersubsidi dipercayai untuk diseludup ke Thailand di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Hakim Zulkifli Abllah menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Aiman Mohd Din, 31, dan Mohd Amiruddin Ramly, 34, selepas mengaku bersalah dalam pertuduhan berasingan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Aiman didapati memiliki 832.5 liter diesel di hadapan Pejabat Cawangan Pembangunan Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada jam 12.45 tengah hari, 6 September 2023.

Mohd Amiruddin pula didapati memiliki 780.5 liter diesel di tepi jalan Kampung Dalam Rhu, Semerak, Pasir Puteh, pada jam 2.55 petang, 26 Julai 2023.

Kedua-dua kesalahan dilakukan tanpa lesen sah yang melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ketika rayuan, Mohamad Aiman yang bekerja sebagai pemandu lori memohon hukuman ringan dengan alasan menanggung keluarga dan



Mohamad Aiman (dua dari kiri) dan Mohd Amiruddin (dua dari kanan) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada Selasa.

berpendapat tidak mentru.

"Saya janji tidak ulangi kesalahan. Saya menyesal dan mohon hukuman ringan," katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Kelantan, Muhammad Iman Masjuri memohon hukuman berat kerana memberi kesan buruk kepada negara.

"Kesalahan seperti ini menyebabkan kerajaan menaikkan harga minyak dan rakyat akhirnya menanggung akibat."

"Barang kes adalah diesel bersubsidi yang diseleweng," katanya.

Mahkamah dalam keputusannya

menegaskan kesalahan itu amat serius kerana menyebabkan kerugian besar dan membahayakan keselamatan.

"Ini bukan kes tak ada lesen. Negara rugi berbilion ringgit kerana orang seperti kamu. Rakyat bayar cukai, kamu seleweng."

"Saya tengok tong dibawa dalam kereta pun menakutkan, boleh letup bila-bila masa," ujar mahkamah.

Mahkamah kemudian memerintahkan kedua-dua mereka masing-masing didenda RM10,000.

Mahkamah turut memerintahkan semua barang kawalan dan kenderaan digunakan dilucut hak kepada pihak berkuasa.



PAHANG 27



KPDN bongkar cubaan seleweng 200,000 liter diesel bersubsidi guna kapal tangki

Rakyat bayar cukai, kamu seleweng diesel – Hakim

KOTA BHARU – "Ini bukan kes tiada lesen motor. Negara rugi berbilion ringgit kerana orang seperti kamu. Rakyat bayar cukai, kamu seleweng."

Itu kata Hakim Zulkifli Abdul-lah sebelum menjatuhkan hukuman atas seorang pemanda lori dan seorang penganggur selepas mereka mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyimpan lebih 1,600 liter diesel tanpa lesen sah sekali gus melanggar

tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Mohamad Aiman Mohd. Din, 31, yang bekerja sebagai pemanda lori dan Mohd. Amiruddin Ramly, 34, masing-masing didenda RM10,000 selepas mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Aiman didakwa memiliki sebanyak 832.5 liter diesel tanpa lesen sah sekali gus melanggar

Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Perbuatan itu dilakukan di depan pejabat sebuah hospital di Kubang Kerian di sini kira pukul 12.45 tengah hari pada 6 September 2023.

Sementara itu, Mohd. Amiruddin dituduh memiliki 780.5 liter diesel tanpa kebenaran di tepi Jalan Semerak, Kampung Dalam Rhu dekat Pasir Puteh pada 26 Julai 2023.

Kedua-dua tertuduh didakwa

mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1juta atau penjara sehingga tiga tahun atau keduanya jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan, Muhammadi Iman Masjuri, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam. Terdahulu, Muhammadi Iman

memohon satu hukuman berat dikenakan terhadap kedua-dua tertuduh apabila tindakan mereka itu memberi kesan buruk kepada ekonomi dan keselamatan negara.

Zulkifli sebelum menjatuhkan hukuman menegaskan bahawa kesalahan berkenaan amat serius kerana menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Kedua-dua tertuduh kemudian membayar denda yang ditetapkan mahkamah.

KPDN tidak menolak kemungkinan diesel dari kapal dipindahkan ke lori untuk diselewangkan

Oleh NIK AMIRULMUMIN
NIK MIN
PEKAN

Penemuan sebuah kapal tangki 'rosak' yang berlabuh dalam keadaan mencurigakan di sebuah jeti di Kuala Pahang di sini membongkar cubaan seleweng 200,000 liter diesel bersubsidi, Ahad lalu.

Diesel bersubsidi dianggarkan bernilai RM480,000 itu ditemui dalam lapan tangki penyimpanan kapal dipercaya berdaftar di negara ini.

Pengarah KPDN Pahang, Jezlily Jamaluddin berkata, hasil pemeriksaan terhadap kapal tersebut, pihaknya menahan kapten kapal dan seorang krew warga asing berusia lingkungan 40-an untuk siasatan lanjut.

POH PALEH NEH!

Menurutnya, siasatan awal mendapati kapten kapal memberi alasan kapal terpaksa berlabuh kerana mengalami kerusakan, manakala diesel dibawa untuk diagihkan kepada 30 kapal lain milik syarikat yang dikatakan berpangkalan di Miri, Sarawak.

"Ketika diperiksa, kapten kapal gagal mengemukakan sebarang dokumen sah daripada Pengawal Bekalan berkaitan pemilikan atau urus niaga barang kawalan tersebut."

"Keterangan diberikan juga meragukan kerana hasil risikar sejak dua bulan lalu mendapat berlaku pergerakan keluar masuk lori tangki ke jeti tersebut," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Jezlily berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan di-



Jezlily (dua dari kiri) mendengar penerangan berkaitan penemuan diesel bersubsidi disyaki cuba diseleweng melalui kapal tangki yang berlabuh di sebuah jeti di Tanjung Pahang pada Ahad.

esel daripada kapal itu dipindahkan ke lori tangki sebelum diselewangkan.

Menurutnya, bekalan diesel dan kapal dianggarkan bernilai RM85,000 disita dengan jumlah rampasan keseluruhan berjumlah RM565,000.

"Selaras dengan inisiatif 'Kita Gempur', KPDN Pahang mengingatkan semua pihak bahawa pemilikan dan pengedaran barang kawalan seperti minyak diesel tanpa lesen yang sah adalah

satu kesalahan serius di bawah undang-undang negara.

"Tindakan tegas akan terus diambil bagi membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barang kawalan di perairan negara," katanya.

Jelas beliau, mana-mana pihak yang melakukan kesalahan itu boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB)1961.

"Sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan berikutnya, didenda tidak melebihi RM5 juta bagi pertubuhan perbadanan.

"Bagi individu, denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sorok 2,500 liter diesel subsidi di bengkel besi buruk

ALOR SETAR - Taktik menyorok diesel bersubsidi tanpa lesen di sebuah bengkel besi buruk dan pemberaan jentera berat terbongkar selepas diserbu pihak berkuasa di Mergong di sini pada Isnin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan jam 8.30 pagi dilakukan sepasukan penguat kuasa hasil maklumat risikan di bawah Ops Tiris 2025.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemukan 2,500 liter diesel yang disimpan dalam 13 tong dram berkapasiti 200 liter setiap satu tanpa lesen atau permit sah.

"Turut disita beberapa peralatan dipercayai digunakan untuk memindahkan diesel berkenaan.

"Nilai keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah RM7,790, termasuk nilai minyak diesel yang dianggarkan RM7,200," kata-

nya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Muhammad Nizam berkata, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 60-an mengaku sebagai pemilik premis diambil keterangan," ujarnya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan berulang, individu boleh didenda sehingga RM3 juta, manakala syarikat pula boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta dan RM5 juta bagi kesalahan berulang.

Dalam pada itu, Muhammad Nizam mengingatkan orang ramai bahawa sebarang urus niaga dan penyimpanan barang kawalan seperti diesel memerlukan kebenaran serta lesen sah.



Penguat kuasa KPDN memeriksa premis bengkel besi buruk dan pemberaan jentera berat yang dikesan menyorok diesel bersubsidi di Mergong, Alor Setar.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Pemilik restoran pamer logo halal tanpa kebenaran



OKS: KOS kena denda RM20,000
atas pertuduhan memamerkan logo halal tanpa sijil perakuan sah.

KOTA BHARU — Seorang pemilik restoran mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memamerkan logo halal tanpa sijil perakuan sah di premisnya pada November lalu.

Lim Beng Kee, 48, selaku orang kena saman (OKS) gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memerihalkan makanan sebagai halal tanpa memiliki apa-apa kebenaran atau perakuan sah daripada pihak berkuasa di restoran miliknya di Jalan Tentenggong, di sini kira-kira pukul 12.46 tengah hari pada 18 November lalu.

Beng Kee dalam rayuan-

nya mengakui ketahuan atas pertuduhan ini dan berjaya pulih di restoran miliknya di Jalan Tentenggong. Di sini kira-kira pukul 12.46 tengah hari pada 18 November lalu.

Pertuduhan tersebut berasal mengenai Peraturan Akta 444 dan Peraturan Pendakwaan dan Penyudihan Baharu 2010, di bawah Peraturan 2011 yang memaklum maksa kerelahan di bawah Peraturan 8 dan Peraturan 10 yang memberikan denda maksimum sebanyak RM20,000 dan penjara selama tiga tahun.

Sejak mendakwa ini, OKS tidak sekali-kali menuntut RM20,000 atau pertinggi setegah. Namun tetapi akhirnya pengadilan akan mengurangkan denda ini.

Pendakwaan dibentangkan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (OKS) Muhammad Jame' Nasir, seorang kakitangan MKN yang bertanggungjawab untuk mendakwa pelaku.

Turut hadir, Muhammadi Iman Masjuri yang membela dirinya dengan seorang pengacara dan dilambungkan.

Yang dilambungkan oleh OKS adalah saksi.

Beng Kee dalam rayuan-

nya mengakui kesalahan dan pada hari ini dia bersedia membayar denda.

**KERATAN
KOSMO!
9 April
2025.**

Pemilik restoran pamer logo halal palsu didenda RM20,000

KOTA BHARU — Seorang pemilik restoran didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memamerkan logo halal tanpa sijil perakuan sah di premisnya pada November lalu.

Hakim Zulkifli Abillah turut menetapkan hukuman penjara enam bulan sekiranya Lim Beng Kee, 48, selaku orang kena saman (OKS) gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memerihalkan makanan sebagai halal tanpa memiliki apa-apa kebenaran atau perakuan sah daripada pihak berkuasa di restoran miliknya di Jalan Tentenggong, di sini kira-kira pukul 12.46 tengah hari pada 18 November lalu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,

Muhammadi Iman Masjuri manakala OKS tidak diwakili peguam.

Muhammadi Iman memohon hukuman setimpal dikenakan kerana kesalahan itu memberi kesan buruk kepada golongan yang beragama Islam.

Beng Kee dalam rayuan-nya memohon hukuman yang ringan kerana ibu bapanya sedang uzur selain perlu membayar gaji pekerja yang bekerja di premisnya.

"Saya telah perbaharui permohonan sijil halal dan memohon maaf atas kejadian itu. Saya memberi jaminan tidak akan mengulangi kesalahan tersebut lagi selepas ini," ujarnya.

Mahkamah kemudian menetapkan denda RM20,000 atau penjara enam bulan jika gagal membayar denda tersebut. Wang jaminan sebanyak RM8,000 turut dikembalikan jika OKS membayar denda.

Empat tahun pamer logo halal tidak sah

FOTO: SINAR HARIAN-ADILA SHARINNI WAHID



Beng Kee (kanan) yang tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu.

KOTA BHARU - Seorang pemilik restoran popular didenda RM20,000 selepas didapati menggunakan logo halal tanpa perakuan sah daripada pihak berkuasa agama di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Orang Kena Saman (OKS), Lim Beng Kee, 48, mengaku bersalah mempamerkan perihal makanan sebagai halal tanpa kebenaran atau perakuan sah daripada pihak berwibawa di sebuah restoran di Jalan Temenggong pada jam 12.46 tengah hari, 18 November 2024.

Kesalahan itu melanggar Perintah 4(1)(a) dan (b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan boleh dihukum mengikut Perintah 8(b) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda maksimum

RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau keduanya.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) menjalankan serbuan di premis berkenaan.

Pemeriksaan mendapati terdapat paparan iklan dan papan tanda memaparkan logo halal tanpa kelulusan JAHEAIK.

Siasatan lanjut mengesahkan OKS merupakan salah seorang daripada tiga pemilik yang mengendalikan restoran tersebut.

Pegawai Pendakwa KPDN Kelantan, Muhammadi Iman Masjuri dalam hujah pemberatan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman

setimpal mengambil kira kepentingan awam dan sensitiviti isu halal kepada masyarakat Islam.

"Penggunaan logo halal tanpa kebenaran dipercayai sudah berlaku selama empat tahun dan tindakan ini boleh memperdaya pelanggan beragama Islam," katanya.

Hakim Zulkiffi Abilah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM20,000 dan sekiranya gagal membayar denda, OKS akan menjalani hukuman penjara selama enam bulan.

Sementara itu, OKS yang tidak diwakili peguam turut memohon maaf atas kesalahan dilakukan selain merayu hukumannya diringankan.

OKS kemudian membayar denda berkenaan.

CADANGAN PENGHARAMAN JUALAN VAPE DI SELANGOR

Perbincangan teliti pada MMKN depan

Kuala Selangor

Cadangan pengharaman penjualan rokok elektronik atau vape di Selangor dibentangkan dan dibincangkan dengan lebih teliti pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) akan datang, kata Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin diarahkan untuk membuat demikian, susulan mesyuarat bersepadu yang dijalankan bersama agensi terlibat sebelum ini.

"Saya arahkan satu kerjas dibuat dan dibentangkan kepada MMKN untuk kita pertimbangkan kerana sebarang keputusan kerajaan negeri harus dibuat secara menyeluruh dengan melihat semua aspek supaya ia memberi jaminan kepada kesihatan generasi masa kini dan masa hadapan," katanya selepas majlis penyerahan Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) Pakej A dan Pakej C di sini, semalam.

Sebelum ini, Jamaliah dalam kenyataan memaklumkan mesyuarat bersepadu bersama Pejabat

Menteri Besar itu melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Jamaliah berkata mesyuarat itu, diadakan bagi mendapatkan gambaran menyeluruh daripada aspek pengaruhnya, perundangan dan kesan terhadap sosioekonomi berkenaan.

Pada 24 April, media melaporkan kerajaan Terengganu akan menguatkuaskan larangan penjualan

produk rokok elektronik di semua premis di negeri berkenaan bermula 1 Ogos.

"Sebarang keputusan oleh kerajaan negeri harus dibuat secara menyeluruh dengan melihat semua aspek supaya ia dapat memberi jaminan kepada kesihatan generasi masa kini dan masa hadapan"

*Menteri Besar Selangor,
Datuk Seri Amirudin Shari*



Govt weighs MMA proposal on medicine displays

PUTRAJAYA: The Health Ministry is contemplating a proposal from the Malaysian Medical Association (MMA) on the implementation of a rule for displaying medicine prices under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586), says Minister Datuk Dr Dzulkefly Ahmad.

The proposal, which was included in a memorandum submitted by the MMA, has garnered the attention of Prime Minister

Datuk Seri Anwar Ibrahim, who has advised the ministry to conduct a thorough study and evaluation of the proposal.

"The Prime Minister has asked me to carefully review their memorandum, and I have taken this matter seriously.

"I have directed the top leadership of the ministry to look into how we can address the request fairly and consider the feasibility of placing the medicine price dis-

play requirement under Act 586, which falls under the ministry's purview," Dzulkefly told a press conference after attending the 2025 National Midwives and Nurses Day celebration here.

He said the ministry is responsive and welcomes constructive suggestions aimed at strengthening the healthcare system.

Last Tuesday, MMA urged the government to reassess the application of the Price Control and

Anti-Profitteering Act 2011 (Act 723) within the medical sector.

This request pertains to the recent regulation that mandates private clinics and pharmacies display the prices of medicines, which began this month.

In its memorandum, the MMA expressed its full support for transparency in drug pricing; however, it recommended that this transparency be implemented through Act 586.

PGA Briged Sarawak terus banteras penyeludupan

Sebanyak sembilan operasi bersepada dilaksana PGA Briged Sarawak antara 1 hingga 12 Mei: Rosdi

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak terus memperkuat kawalan keselamatan dan membanteras kegiatan penyeludupan menerusi sembilan operasi bersepada yang dilaksanakan antara 1 hingga 12 Mei lalu.

Timbalan Komander Briged Sarawak ACP Rosdi Inai berkata operasi tersebut membabitkan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM6.09 juta.

Menurutnya operasi yang merangkumi Ops Taring Alpha, Ops Taring Bravo dan Ops Taring Awas Batas itu turut menyaksikan tangkapan suspek warga tempatan dan warga asing yang dipercaya terlibat dalam pelbagai kegiatan penyeludupan melibatkan rokok, minuman keras, bahan makanan dan barang kawan bersubsidi.

"Kejayaan terbesar dicatatkan di Miri melibatkan rampasan 7,400 karton rokok putih, 3,160 karton rokok kretek dan 201 karton minuman keras dengan anggaran nilai RM3.09 juta pada 7 Mei."

“Kejayaan terbesar dicatatkan di Miri melibatkan rampasan 7,400 karton rokok putih, 3,160 karton rokok kretek dan 201 karton minuman keras dengan anggaran nilai RM3.09 juta pada 7 Mei.”

ACP Rosdi Inai
Timbalan Komander Briged Sarawak

Turut dilaporkan ialah kes penyelewengan diesel, petrol dan tong gas di Debak yang menyaksikan rampasan bernilai lebih RM200,000.

"Seorang lelaki warga tempatan berusia 40 tahun turut ditahan dan hasil permeriksaan lanjut telah menemui sebanyak 1,260 liter minyak petrol, 750 liter minyak diesel dan 20 tong gas jenis LPG dalam muatan sebuah lori.

"Kesemua barang tersebut termasuk sebuah lori dirampas untuk siasatan lanjut," katanya.

Terdapat juga cubaan penyeludupan rokok di sempadan Tebedu dan barangan



E3/2

RAMPASAN: Antara kejayaan operasi sepanjang tempoh 1 hingga 12 Mei. — Gambar oleh PGA Briged Sarawak

seperti beras serta minyak masak melalui jalan tidak diwartakan di Lubok Antu.

"Kesemua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada agensi penguat kuasa berkaitan termasuk Jabatan Kastam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Jabatan Imigresen untuk tin-dakan lanjut," kata Rosdi.

Sepanjang tempoh operasi bermula Januari hingga 12 Mei 2025, Briged Sarawak PGA telah mencatat 170 kes dengan nilai rampasan mencapai RM234 juta, melibatkan 277 tangkapan serta

174 kendaraan pelbagai jenis yang disita.

"PGA Briged Sarawak komited memerangi menjayah rentas sempadan dan penyeludupan bagi memastikan keselamatan serta ekonomi negara sentiasa terpelihara," tambahnya.



DICEKUP: Seorang daripada suspek yang berjaya ditangkap untuk membantu siasatan. — Gambar polis



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-May	Taktik sorok diesel dalam bengkel besi buruk terbongkar	https://www.sinarharian.com.my/article/728174/berita/semasa/taktik-sorok-diesel-dalam-bengkel-besi-buruk-terbongkar	SINAR HARIAN
14-May	KPDN Kedah bongkar kegiatan simpan diesel tanpa permit sah	https://www.bernama.com/misic/rss/news.php?id=2422174	BERNAMA
14-May	KPDN Kedah bongkar kegiatan simpan diesel tanpa permit sah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-bongkar-kegiatan-simpan-diesel-tanpa-permit-sah	RTM
14-May	Bengkel jentera berat simpan diesel tanpa lesen diserbu	https://www.kosmo.com.my/2025/05/13/bengkel-jentera-berat-simpan-diesel-tanpa-lesen-	KOSMO
14-May	KPDN rampas minyak diesel bersubsidi dan kapal bernilai RM565,000	https://www.kosmo.com.my/2025/05/13/kpdn-rampas-minyak-diesel-bersubsidi-dan-kapal-bernilai-rm565000/	KOSMO
14-May	KPDN Pahang rampas kapal bersama 200,000 liter diesel bersubsidi	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-pahang-rampas-kapal-bersama-200,000-liter-diesel-bersubsidi	RTM
14-May	KPDN Pahang Rampas Kapal Bersama 200,000 Liter Diesel Bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2422411	BERNAMA
14-May	Diesel bersubsidi, kapal RM565,000 dirampas di Pekan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/diesel-bersubsidi-kapal-rm565000-dirampas-di-pekan/	UTUSAN

14-May	Polis Marin tumpas cubaan seludup diesel haram di Pending	https://utusansarawak.com.my/polis-marin-tumpas-cubaan-seludup-diesel-haram-di-pending/	UTUSAN SARAWAK
14-May	Pemilik restoran pamer logo halal palsu didenda RM20,000	https://www.kosmo.com.my/2025/05/13/pemilik-restoran-pamer-logo-halal-palsu-didenda-rm20000/	KOSMO
14-May	Pengharaman vape akan dibentang dalam MMKN – MB Selangor	https://www.utusan.com.my/berita/2025/05/pengharaman-vape-akan-dibentang-dalam-mmkn-mb-selangor/#google_vignette	UTUSAN